

Limpahan banjir bawa kumbahan masuk rumah

Melaka: Penduduk di enam rumah di Kampung Padang Semabok, Semabok, di sini, resah berikutan kerap dilanda banjir kilat dan tinggal dalam keadaan tidak selesa apabila air kumbahan turut mengalir masuk ke dalam kediaman mereka.

Dalam kejadian terbaru pada jam 11.30 malam kelmarin, kawasan itu dilanda banjir kilat buat kali ketiga sejak awal tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Padang Semabok Zainal Nordin berkata, walaupun air naik sehingga paras buku lali, keadaan itu tetap menjejaskan penduduk.

Beliau berkata, masalah itu dipercayai berpunca daripada saluran longkang yang tidak diselenggara sejak enam tahun lalu menyebabkan salurannya sempit.

"Keadaan itu menyebabkan longkang tidak mampu menampung jumlah air dari kawasan Bukit Piatu dan Taman Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) di Bukit Serindit dan ia melimpah hingga ke kediaman penduduk.

"Kami minta kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membina saluran

longkang alternatif di kawasan belakang kampung ini supaya masalah banjir diatasi," katanya, semalam.

Zainal berkata, saluran longkang sedia ada dianggarkan sedalam 1.5 meter itu dibina 12 tahun lalu, namun kini semakin sempit dan tidak mampu menampung jumlah air banyak.

Penduduk, Zaini Moha-

mad Yusof, 51, berkata, ketiadaan sistem longkang yang sempurna di belakang kediaman mereka menjadi punca kejadian banjir kilat.

"Sebelum ini kami membuat aduan mengenai masalah parit di belakang kediaman kepada pihak berkenaan, namun hingga sekarang belum ada tindakan," katanya.



PENDUDUK
menimba air yang memenuhi rumah selepas banjir kilat, semalam.